

WA'AD, WASIAT DAN NASIHAT DALAM SULALAT AL-SALATIN: IKTIBAR UNTUK KEPIMPINAN MELAYU

Oleh:
Datuk Zainal Abidin Borhan
Ketua Eksekutif
Yayasan Karyawan

Abstrak

Kertas kerja ini akan menelaah persoalan pemimpin dan kepimpinan Melayu dan akan merujuk serta mengambil iktibar dari riwayat yang telah diungkapkan oleh *Sulalat al-Salatin* atau *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu*. Dengan menelusuri teks berkenaan sama ada yang diselenggarakan oleh A.Samad Ahmad (*Sulalatus Salatin*: 2003, DBP); atau atau yang dikaji atau yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (*Sulalat al-Salatin*: 1997, Yayasan Karyawan dan DBP); atau Abdul Rahman Ismail (1998, *Sejarah Melayu, The Malay Annals*). Kertas kerja ini cuba memperlihatkan ide dan ideologi penting mengenai pemimpin dan kepimpinan. Dalam kerangka teks berkenaan raja atau sultan adalah pemimpin. Bukan persoalan raja atau sultan, tetapi yang lebih penting ialah bagaimana idea dan ideologi yang diungkapkan melalui waad, wasiat dan nasihat yang dapat memberi iktibar, pedoman dan panduan kepada kita umat Melayu pada masa kini di Malaysia.

Penulis amat menyedari bahawa idea dan ideologi politik Melayu tradisi lebih khusus terungkap di dalam *Taj al-Salatin / Taj-us-Salatin*, karangan Bukhari al-Jauhari (1603). *Taj-us-Salatin* (Mahkota Segala Raja-Raja) adalah panduan atau pedoman bagi para raja, permaisuri, para pembesar untuk memimpin dalam sistem pemerintahan untuk menegakkan keadilan dan kebenaran Tuhan di muka bumi. *Taj-us-Salatin* menegaskan bahawa seorang raja (pemimpin) memimpin, memerintah atau berkuasa berdasarkan mandat Tuhan. Maka oleh kerana itu, raja atau sultan dianggap sebagai *bayangan Tuhan di muka bumi (dzillullah fi al-ard)* atau wakil Tuhan di muka bumi (*khalifat-ul-Ard*).

Dengan membaca dan meneliti *waad* seperti yang terkandung di dalam Sulalat-al-Salatin, mandat kekuasaan tidak sehalal. Melalui cerita atau riwayat sebelum ini *waad* dibuat, terdapat simbol-simbol yang amat penting, khasnya dari kata-kata (ayat) bahawa mandat kekuasaan adalah dari rakyat. Makalah ini tidak membandingkan antara Sulalat-al-Salatin dengan Taj-us-Salatin. Jika ada kesempatan, InsyaAllah akan dilaksanakan tugas-tugas tersebut. Malah empayar Johor (termasuk Johor-Riau) telah melahirkan sejumlah testamen sosio-politik yang hebat. Selepas Sulalat al-Salatin, Taj-us-Salatin, di abad ke 19 telah muncul Thammarat-ul-Muhimmah (karangan Raja Ali Haji pada 1857).

Sebelum diungkapkan idea dan ideologi yang terkandung di dalam *waad*, wasiat dan nasihat adalah wajar dikupas idea dan ideologi atau wacana yang terkandung di dalam pemikiran Melayu mengenai pemimpin. Walau pun pemimpin adalah seorang yang memimpin orang lain, manakala kepimpinan pula merupakan suatu institusi, namun sering difahami bahawa persoalan pemimpin dan kepimpinan dikaitkan dengan kuasa dan kuat-kuasa, atau memiliki kedudukan sosial atau pengaruh atau wibawa untuk melaksanakan kuasa dan kuat-kuasa.

Di dalam setiap institusi akan ada pemimpin, baik sosial, ekonomi, politik, malah di dalam organisasi moden kini. Di dalam masyarakat tradisi pembentukan sosial (*social formation*) secara evolusi bermula dari tahap keluarga kepada tahap kelompok keluarga (*band*), ke tahap puak atau suku (*tribe*) ke tahap kedaduan atau jajahan atau daerah (*chiefdom*), ke tahap negeri, nagari, negara, nagara, kerajaan atau kesultanan (*kingdom*). Pada masa kini tahap pembentukan sosial tertinggi ialah negara-bangsa (*nation-state*) dan pemerintah atau pemerintahan (*states / governance*).

Seorang tua (yang lazimnya lelaki) yang disebut ketua kampung, penghulu, batin, penggawa, lurah, tuai rumah, pemanca; atau Orang Besar Jajahan dan Datu, Temenggong (Iban) adalah di antara pemimpin di dalam pembentukan sosial tribal atau kedaduan. Seorang pemimpin di dalam kerangka pemikiran Melayu dikatakan "*lubuk akal, lautan budi, gedung*

bicara” yang meletakkan muafakat atau musyawarah sebagai teras untuk bertindak atau membuat keputusan “*penghulu beraja ke muafakat, muafakat beraja kepada yang benar*”. Pemikiran Melayu meletakkan pemimpin sebagai pelindung ibarat pohon atau pokok.

*“Pohon yang rendang di tengah padang
Batangnya untuk bersandar
Dahannya untuk bergantung
Buahnya untuk dimakan
Daunnya untuk berlindung”*

Dari dahulu hingga sekarang, matlamat kepimpinan untuk mewujudkan kesejahteraan sosial, yang aman tenteram (*social order*) bukan untuk porak-peranda, kekacauan, kesusahan, kepada rakyat (*social chaos*). Seorang pemimpin di dalam pemikiran Melayu perlu taat dan tunduk kepada kemahakuasaan Tuhan dan wajib menegakkan keadilan dan kebenaran Tuhan di muka bumi. Di dalam pemikiran Melayu, ruang kekuasaan atau mauduk kekuasaan terungkap di dalam perbilangan ini

*“Raja bernobat di alam
Penghulu bernobat di dalam luak
Lembaga bernobat di dalam lingkungan
Buapak bernobat pada anak buahnya
Orang banyak bernobat di dalam terataknya”*

Di dalam masyarakat Melayu tradisi, raja dikonsepsikan sebagai *wakil*, *bayangan* atau *jelmaan* Tuhan di muka bumi. Di dalam naskah Melayu seperti *Sulalat al-Salatin*, *Hukum Kanun Melaka*, *Taj-us-Salatin*, *Bustan-us-Salatin* dan *Adat Raja-Raja Melayu*, raja dikonsepsikan sebagai *Khalifat-ul-ardh* (wakil Tuhan di muka bumi, al-Quran 2:30). Di dalam Sejarah Melayu disebut *dzi Allah fil'alam*. Ide dan pandangan dunia seperti ini adalah lanjutan dari pandangan dunia pra-Islam di Alam Melayu, bahawa raja itu *dewasakhti* atau *devaraja*. Pemikiran raja sebagai bayangan Tuhan terungkap juga di dalam cerita penglipurlara Melayu, *Hikayat Malim Dewa* yang menyebut:

*“Bukan teluk parang-parang
 Anak ketam di dalam padi
 Telutuk dilepuh-lepuh
 Erayang dibalik rumah
 Bukannya makhluk hak sebarang-barang
 Cucu Adam sepian Nabi
 Turun dari langit yang ketujuh
 Jadi khalifah kepada Allah”*

Seluruh idea dan ideologi yang terungkap melalui perbilangan, pepatah-petitih Melayu meletakkan raja (pemimpin) sebagai yang diutamakan, lantaran itu *kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek*. Hubungan antara raja-rakyat, pemimpin-pengikut adalah adalah hubungan yang timbal-balik (*resiprokal*) dan saling melengkapi (*complimentering*), kerana kata Melayu apabila ada rakyat (pengikut) maka akan ada raja (pemimpin). Di dalam keadaan tertentu akan wujud perjanjian sosial atau kontrak sosial antara pemimpin dengan pengikut atau antara raja dan rakyat apabila sesuatu kewibawaan atau kekuasaan atau kepimpinan hendak diterima di antara kedua-dua pihak. Watakah, surat kuasa, aku-janji, angkat-sumpah, pada masa kini adalah lanjutan kepada persetiaan dan perjanjian atau waad.

Di dalam Sulalat al-Salatin, Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu terdapat perjanjian atau *wa'ad* atau *waadat* antara raja dengan rakyat. Secara simbolik diungkapkan persetiaan antara *Sang Saperba* atau *Sri Tri Buana* yang mewakili golongan raja (pemimpin) dengan *Demang Lebar Daun* yang mewakili rakyat (pengikut). Diceritakan oleh Sulalat al-Salatin atau Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu bahawa *Sang Saperba / Sri Tri Buana* inginkan anak perempuan *Demang Lebar Daun* dan bermulalah persetiaan antara raja dengan rakyat. Persetiaan tersebut dibuat secara dua hala atau resiprokal antara raja dan rakyat, bukan sekadar untuk sepihak, untuk raja atau untuk rakyat sahaja. Sulalatus Salatin menceritakan;

Maka sembah Demang Lebar Daun, “Sungguh tuanku seperti khabar orang itu; jikalau tuanku berkehendakkan patik itu, patik sembahkan, lamun mahu duli tuanku **berjanji** dahulu dengan patik. Maka titah baginda, “Apa janji paman hendak diperjanjikan dengan hamba itu? Katakan paman hamba dengar,” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Barang maklum duli tuanku Yang Maha Mulia, jikalau anak patik telah terambil ke bawah duli, jikalau ia kena penyakit seperti patik-patik yang lain, telah maklum ke bawah duli tuanku itu, jikalau ada ampun kurnia dulia Yang Maha Mulia janganlah tuanku keluarkan dari bawah istana tuanku. Biarlah ia menjadi gembala dapur Yang Maha Mulia, dan menyapu sampah di bawah peraduan duli tuanku. Seperkara lagi, perjanjian patik memohonkan anugerah ke bawah duli Yang Maha Mulia, **segala** hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan difadihatkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum syarak bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi.”

Maka titah Seri Teri Buana, “Kabullah hamba akan janji paman itu; tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman.” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Janji yang mana itu, patik pohonkan titah duli Yang Maha Mulia.” Maka titah Seri Teri Buana, “Hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salah sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, jangan segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga.”

Maka sembah Demang Lebar Daun, “Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku.” Maka titah Seri Teri Buana, “Baiklah paman, kabullah hamba akan wa'ad itu. Maka baginda pun bersumpah-sumpahlah dengan Demang Lebar Daun. Titah baginda, “Barang siapa hamba Melayu mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah

bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas.” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah sunbhanahuwa taala pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib kepada segala hamba Melayu, jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada diikat dan tiada digantung, difadihatkan dengan kata-kata yang keji hingga sampai pada hukum mati, dibunuhnya. Jikalau ada seorang raja-raja Melayu itu memberi aib seseorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa.

Wa'ad atau Wa'adat tersebut memberi keabsahan (legitimasi) kepada raja untuk memerintah dan yang memberi raja kuasa atau kedaulatan ialah rakyat, atau yang mendaulatkan raja itu ialah rakyat. Rakyat mengangkat raja sebagai *Yang Dipertuan*, bermaksud menjadikan raja sebagai Tuan kepada orang Melayu, dan bermula panggilan Tuanku (Tuan-ku), Demang Lebar Daun pula membahasakan diri sebagai *hamba* (bukan bermaksud *slave*) tetapi sebagai pembantu (*servant*).

Terdapat beberapa perkara pokok wa'ad berkenaan yang perlu direnungi supaya difahami oleh para pemimpin masa kini. **Pertama**, Demang Lebar Daun menyebut “.....perjanjian patik mohonkan jangansegala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan ia difadihatkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pula hukum syarak bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi.” Sang Saperba / Sri Tri Buana menjawab, “Kabullah hamba akan janji paman itu, tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman.....Hendaklah oleh segala anak cucu hamba; jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim-jahat pekertinya, jangan segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga teluk negerinya juga.”

Kedua, Demang Lebar Daun menerima permintaan itu, tetapi menyebut “.....jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku.” Setelah bersetuju mereka pun bersetialah antara satu sama lain. **Ketiga**, Sang Saperba mengingatkan, “Barang

siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas.” Disambut Demang Lebar Daun, “Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya.”

Persetiaan atau perjanjian ini meletakkan paksi pemerintahan. Apabila rakyat menerima kedaulatan raja, maka rakyat menerima pemerintahan dan sistem perundangan yang diletakkan oleh raja. Raja tidak boleh mengaibkan, menista, mengeji, atau memalukan rakyat. Jika telah terbukti rakyat bersalah dari segi hukum adat, peraturan perundangan negeri dan hukum syarak, maka hendaklah dihukum. Rakyat pula dituntut untuk mematuhi perintah raja, tidak boleh derhaka; mempertahankan institusi raja, mempertahankan negeri dan agama. Jika ada serangan dari luar raja dan rakyat perlu bersama-sama mempertahankan negeri.

Satu hal menarik ialah seandainya ada pihak yang mengubah persetiaan maka kedua-dua pihak akan menerima hukum Allah. Apatah lagi jika pihak raja mengubahkan perjanjian, atau melanggar perjanjian takhta, kerajaan dan negeri akan dibinasakan Allah S.W.T. Begitu juga jika raja mengaibkan rakyat takhta kerajaan dan negeri akan dibinasakan oleh Allah S.W.T.

Wa'ad atau persetiaan, ini dapat dijelaskan dengan lebih terperinci apabila kewibawaan yang dimiliki adalah amanah dari Allah S.W.T lantaran raja atau sultan adalah khalifat-ul-ardh, wakil Tuhan di muka bumi. Perincian amanah tersebut dapat dikesani dari wasiat-wasiat raja kepada bakal pengganti raja. Seperti yang diriwayatkan oleh Sulalat al-Salatin, bahawa Sultan Mansur Syah telah memerintahkan 33 tahun, sewaktu sultan gering beliau telah memanggil anakandanya, berhadap segala pembesar dan sultan berwasiat;

Maka titah Sultan Mansur Syah pada sekalian, mereka itu, “Katahui olehmu sekalian, bahawa dunia ini telah lepaslah rasanya daripada genggamanku; melainkan negeri akhiratlah penghadapanku. Adalah

pertaruhkulah pada Bendahara dan segala Orang Kaya-Kaya sekalian, anak kita Ahmad ialah ganti kita pada tuan-tuan sekalian. Jikalau barang sesuatu salahnya, hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian, kerana ia budak yang bebal, tiada tahu istiadat.”

Setelah segala mereka mendengar titah Sultan Mansur Syah demikian itu, maka sekaliannya pun menangislah terlalu sangat. Maka sembah Bendahara Paduka Raja dan segala menteri hulubalang, Orang Kaya-Kaya sekalian, “Ya tuanku, jangan apalah hati patik sekalian duli tuanku perbinasakan dengan titah yang demikian itu; bahawa patik sekalian ini adalah berkaul jika diafiatkan Allah Taala kiranya duli Yang Dipertuan daripada gering sekali ini, habislah segala harta yang di dalam khazanah patik, akan patik sekalian sedekahkan kepada segala fakir miskin; tetapi barang dijauhkan Allah kiranya yang demikian itu, jikalau layu rumput di halaman duli Yang Dipertuan, seperti titah itulah patik sekalian kerjakan.”

Maka Sultan Mansur Syah pun memandang kepada anak-anak baginda, Raja Ahmad; maka titah baginda, “Hei anakku, ketahuilah olehmu, bahawa dunia ini sekali-kali tiada kekal adanya. Yang hidup itu sedia akan mati juga sudahnya; iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal disebut orang selama-lamanya. Adapun peninggalan aku ini hei anakku, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat, dan jangan engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya. Makan haqu’l-adam terlalu besar dosanya, tiada diampuni Allah Subhanahu wa taala; melainkan dengan izin yang empunya hak juga; dan jangan khali engkau keluar dihadap orang, kerana hamba Allah sekaliannya banyak berserah kepadamu; jikalau kesukaran baginya, hendaklah segala yang kesakitan itu segera engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa ia baik-baik, supaya akhirat jangan diberatkan Allah atasmu, kerana sabda nabi, ‘Illahu ‘alaihi wa

salam; Kul – lukum ra'in wa kullukum mas'ulun 'an ra'iyatihi, yakni segala kamu yang menggembala dunia lagi akan ditanyai daripada kebelaan kamu; ertinya segala raja-raja di akhirat lagi akan ditanyai Allah subhanahu wa taala daripada segala rakyat. Sebab sedemikianlah, maka sebaiknya engkau berbuat adil dan saksama, supaya di sana jemaah diringankan Allah Taala kira-kiramu; dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala Orang Besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksana dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawai, di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya itu? Dan tiada akan sentosa kerajaannya; kerana raja-raja itu umpama api, segala menteri itu umpamanya kayu; kerana api itu tiada akan nyala, jikalau tiada kayu; seperti kata Farsi, 'Ar'yatu juan bakhasta sultan khasad', yakni rakyat itu umpama akar, dan raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikianlah raja itu dengan segala rakyatnya. Hei anakku, hendaklah engkau turut seperti amanatku ini; supaya beroleh berkat diberi Allah subha nahu wa taala, bija hi nabi salla 'illahu 'alaihi wa salam." Setelah Raja Hussain mendengar titah ayahanda baginda itu, maka baginda pun terlalulah sangat menangis.

Di antara isi pokok wasiat tersebut ialah; **pertama**, kekuasaan di dunia akan terlepas dari genggam sultan, dan sedang menghadap akhirat; **kedua**, dunia tidak kekal, (kuasa tidak kekal); **ketiga**, yang hidup (yang berkuasa) akan mati juga; **keempat**, iman dan pekerti yang baik yang kekal disebut; **kelima**, memerintah dengan adil (melaksanakan perintah Allah dari segi pemerintahan). **keenam**, tidak boleh mengambil hak orang tanpa kebenarannya, satu dosa besar; **ketujuh**, menolong dan membuat kebajikan kepada rakyat kerana tanggungjawab kepada Allah S.W.T; **kelapan**, akan dipertanggungjawab oleh Allah di akhirat; **kesembilan**, adil dan saksama; **kesepuluh**, bermuafakat dengan segala menteri, walau pun raja itu bijaksana, dengan muafakat kerajaan dan negeri akan sentosa.

Kesentosaan, kemakmuran dan kesejahteraan dan keamanan diumpamakan oleh sultan dengan perumpamaan bahawa raja itu umpama api dan segala menteri itu umpama kayu. Api tiada akan menyala kalau tiada kayu. Hubungan raja dengan para menteri adalah hubungan timbal-balik saling melengkapi. Api yang menyala bukannya bisikan syaitan tetapi cahaya (*nur*) yang memakmurkan bumi memberi faedah kepada rakyat.

Sultan juga berwasiat dengan merujuk kepada perumpamaan Parsi, bahawa rakyat umpama akar dan raja ibarat pohon. Tanpa akar pohon tidak akan berdiri, saling melengkapi. Perumpamaan seperti ini dan seluruh wacana wasiat menuntut raja atau pemimpin tidak menzalimi rakyat; perlu berlaku adil dan saksama kepada rakyat. Seluruh sejarah ketamadunan di dunia telah memberikan data-data emperikal dari segi sejarah bahawa kezaliman dan ketidakadilan menghancurkan pemerintahan. Api dan cahaya dari kayu akan membakar diri; manakala akar yang dimakan anai-anai akan menumbangkan pohon yang kukuh, gejala resah dan risau rakyat akan kezaliman pemimpin akan meruntuhkan kepemimpinan dan pemerintahan.

Begitu juga dengan wasiat Sulatan Alauddin Ri'ayat Syah kepada Raja Mahmud (kemudiannya Sultan Mahmud Syah);

Maka Sultan Alau'd-Din pun terlalu sukacita mendengar sembah segala mereka itu. Maka bahinda memandang kepada muka anakkanda baginda, Raja Mamad, maka titah baginda, "Hei anakku, adapun engkau hendaklah banyak-banyak sabar, dan ampunmu akan segala hamba sahayamu, dan baik-baik memelihara akan dia; kerana firman Allah Taala Inna'llahu ma'as sabirin, yakni bahawa Allah Taala serta para segala yang sabar. Dan jikalau datang kepada dua pekerjaan, suatu pekerjaan Allah, dan suatu pekerjaan dunia, maka dahulukan olehmu pekerjaan Allah daripada pekerjaan dunia. Hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu kepada hadrat Allah yang akan memelihara akan kamu, kerana wa man yatawakkal

'ala'llah. Dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu diaifi dia, dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah; kerana segala Melayu itu ketanahanmu, seperti kata Arab Al-'abdi tinu'l maulahu, yang hamba itu tanah tuhannya. Jikalau engkau ia tiada dengan dosanya, bahawa kerajaanmu binasa. Hei anakku, hendaklah engkau turut dan engkau ingatkan wasiatku ini, danm kaukerjakan, supaya berkat diberi Allah subha nahu wa taala." Setelah itu maka Sultan Alau'd-Din pun mangkat; maka ditanamkan oranglah seperti adat. Setelah baginda pergi ke rahmat Allah, kalu inna li'llahi wa inna olaihi raji'un; maka anakkanda baginda Raja Mamadlah kerajaan menggantikan kerajaan ayahanda baginda. Gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mahmud Syah.

Wasiat itu sama idea dan ideologinya seperti wasiat Sultan Mansur Syah kepada Sultan Alaudin Ri'ayat Syah. **Pertama**, perlu banyak sabar apabila berhadapan rakyat, dan memelihara kepentingan rakyat. **Kedua**, jika datang dua pekerjaan, utamakan pekerjaan Allah dari dunia, wajib diutamakan pekerjaan Allah. Wajib menyerah diri dan bertawakkal kepada Allah dan Allah akan memelihara pemimpin dan pemerintah. **Ketiga**, rakyat tidak boleh dianiaya, diaibkan, jika berdosa dari segi hukum syarak barulah dihukum; derhaka adalah salah kepada hukum syarak. Rakyat adalah ibarat tanah (ardh), "..... segala Melayu itu ketanahanmu...." Apabila rakyat tidak berdosa dihukum, takhta kerajaan akan dibinasakan Allah.

Bukan sahaja raja berwasiat malah Bendahara Paduka Raja pun turut berwasiat dan memberi nasihat untuk berusaha mendapat kebesaran dunia akhirat;

*Hatta berapa lamanya maka Bendahara Paduka Raja pun sakit. Maka Bendahara menyuruh memanggil segala anak cucunya, yang sehari dua hari perlanjangan. Setelah berkampung semuanya, maka Bendahara Paduka Raja pun **berwasiatlah** pada segala anak cucunya, katanya, "Hei segala cucuku, jangan kamu*

tukarkan agamamu dengan dunia yang tiada kekal adanya ini; yang hidup itu sahaja yang akan mati juga kesudahanya. Hendaklah kamu semua tuliskan kepada hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah Taala dan Rasul Allah salla 'illahu 'alaihi wa salam; dan jangan kamu sekaliannya melupai daripada berbuat kebaktian; kerana segala hukum, bahawa raja-raja yang adil itu dengan nabi salla 'illahu 'alaihi wa salam, umpama ganti Allah dalam dunia, kerana ia zillu'llah fil'alam. Apabila berbuat kebaktian kepada raja, serasa berbuat kebaktian kepada nabi Allah; apabila berbuat kebaktian kepada nabi Allah, serasa berbuat kebaktian kepada Allah Taala. Firman Allah Taala: ati'ul-laha wa'ati'ur Rasula wa ulil amri minhum yakni berbuat baktianlah kamu akan Allah, dan akan rasul-Nya, dan akan raja, inilah wasiatku kepada kamu semua. Hendaklah jangan kamu sekalian lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu peroleh.”

Perkara pokok nasihat Bendahara kepada anak cucunya. **Pertama**, jangan menukar agama dengan kehidupan dunia yang tiada kekal. **Kedua**, sentiasa tersemat di dalam hati untuk berbuat kebaktian kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya. **Ketiga**, beliau menasihati anak cucunya bahawa Nabi s.a.w dan raja itu umpama dua buah permata pada sebetuk cincin. Apabila berbakti kepada raja seperti berbakti kepada Nabi s.a.w dan kebaktian kepada Allah S.W.T. Dengan melaksana kebaktian ini akan mendapat kebesaran dunia akhirat.

Apabila Sultan Mahmud melawat Bendahara Paduka Raja yang sakit, Bendahara menasihati Sultan Mahmud Syah supaya jangan mendengar sembah atau nasihat orang yang tidak benar, jangan dengar fitnah dan mengikut nafsu adalah mengikut syaitan. Bendahara menyatakan bahawa raja-raja yang besar akan dibinasakan Allah S.W.T kerana menurut hawa nafsu syaitan.

Sulalatus Salatin menggambarkan Melaka yang makmur dan terkenal (besar), luas dan banyak jajahan takluknya, masyur, apabila para sultannya, khasnya zaman Sultan Mansur

Syah kerana terlalu adil menjaga kebajikan segala manusia (rakyatnya)

Di dalam teks atau manuskrip Melayu lain, seperti *Undang-Undang 99 Perak*, menyatakan bahawa tanggungjawab seorang raja itu amat berat kerana kesejahteraan dan keharmonian negerinya bergantung kepada corak pentadbiran atau pemerintahan. *Undang-Undang 99 Perak* menyatakan, pertama-tama adil hukumnya, kedua murah makan dalam negeri; jadi amanlah negeri itu. Jika raja atau pemimpin adil, segala kemakmuran akan tercapai dan dinikmati, maka segala keamanan akan berlaku.

Maka begitu juga nasihat Sultan Muzaffar Syah kepada Raja Muda seperti yang terungkap di dalam *Misa Melayu*; **pertama**, selalu berunding dengan para pembesar; **kedua**, lindungi rakyat, tentera dan saudara-mara. Jika semua ini dilakukan, negeri akan makmur, hasil negeri akan melimpah ruah, rakyat sejahtera, bahan makanan banyak dan pelabuhan penuh dengan dagang peri.

Apakah iktibar yang boleh diambil untuk direnungkan pada masa kini. Idea dan ideologi kekuasaan mutlak raja dan ketaatsetiaan mutlak rakyat seperti yang digambarkan oleh wa'ad, wasiat dan nasihat, adalah berpaksikan Islam. Walau pun idea dan ideologi ini berlaku di dalam sistem sosio-politik yang dikatakan feudal, namun tersemat, jiwa dan roh Islam yang amat ketara. Bukan mitos dan mitologi yang menjadi sandaran, tetapi tugas dan tanggungjawab pemerintahan itu adalah amanah yang diberikan Allah S.W.T kepada *khalifat-ul-ardh*. Maka berlaku zalim dan mengikut hawa nafsu bukan sifat sahsiah seorang yang dipertanggungjawab sebagai *khalifat-ul-ardh*. Daulat dan kedaulatan bukanlah mitos atau magis, tetapi bertitik-tolak kepada watak, peribadi, sahsiah seorang pemimpin. Waad dan nasihat tersebut adalah falsafah dan landasan ideologikal kepada sesiapa yang bernama pemimpin.

Pemimpin dan kepimpinan di dalam apa jua sektor dan bidang, pada tahap mana jua kedudukan kepimpinan, tertakluk kepada satu perkara pokok iaitu amanah Allah S.W.T. Dari amanah ini, diikuti pula dengan amanah kepada pemerintah yang diwakilkan Allah untuk memerintah muka bumi. Maka segala sahsiah, peri-laku, perangai, peribadi seorang pemimpin amat penting di dalam melaksanakan amanah. Pemerintah dan pemerintahan perlu menggunakan musyawarah dengan para pemimpin lain baik yang setara atau bawahan di dalam hirarki dan struktur pemerintah. Parlimen, Dewan Perwakilan, Jemaah Menteri, Kabinet adalah ruang pemusyawarahan untuk mencari yang terbaik untuk rakyat didahulukan dan diutamakan. Amalan rasuah, mengutamakan puak dan kroni, menyalah-guna kuasa, perilaku rendah moral adalah hawa nafsu syaitan. Memahami wa'ad, wasiat dan nasihat ialah memahami persoalan integriti antara makhluk dan Tuhannya. Adalah satu penderhakaan kepada Allah S.W.T apabila para pemimpin melakukan kezaliman dan penganiayaan kepada rakyat dan alam semesta. Berkerja, berkarya, memerintah, melaksanakan kuasa tidak lain kerana Allah Taala (kerana Lillah) untuk mencapai keredhaan hidup dunia dan akhirat.

Sulalat al-Salatin, Sualalatus Salatin atau Sejarah Melayu adalah sebuah karya agung Melayu yang boleh dikaji dari apa jua perspektif. Namun renungkanlah titah Sultan Alauddin Riwayat Syah *dzil'Allah fil'alam*, Sultan Johor pada masa itu, "*Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada bendahara perteturun segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya, supaya didengar oleh anak cucu kita semua dan diketahuinyalah segala perkataan, syahadah beroleh faedahlah mereka itu daripadanya.*" Walau pun sistem pemerintahan dan pentadbiran, serta sistem sosio-politik sudah berubah kepada kuasa rakyat (demokrasi) namun sesiapa jua tidak dapat melarikan diri untuk menyempurnakan dan menegakkan keadilan dan kebesaran Tuhan di muka bumi. Menyempurnakan keadilan dan kebenaran Tuhan di muka bumi adalah tanggungjawab kepada semua umat manusia, apatah lagi ada yang bertaqwa dan beriman kepada Allah S.W.T.

Renungkanlah dan ambil iktibar dari sifat, perangai, cara berfikir dan tindakan Sultan Mahmud Syah, Sultan Melaka terakhir. Beliau telah mengaibkan pembesar dan rakyat, merampas Tun Fatimah yang telah bersuami, yang bukan haknya di samping salah laku moralnya. Para pembesar pula menabur fitnah, walau pun Sultan Mahmud menyedari akan kesilapan dan kembali ke pangkal jalan, kembali kepada ajaran Islam. Tuhan telah mendatangkan binasa kepada Melaka yang alah kepada Portugis pada 1511. Sulalat al-Salatin, Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu memberi iktibar kepada kita pada masa kini.

Rujukan

- A.Samad Ahmad, 2003, *Sulalatus Salatin*, DBP, Kuala Lumpur.
Chuah Boon Kheng dan Abdul Rahman Ismail, 1998, *Sejarah Melayu, The Malay Annals*, MS Raffles No. 18, MBRAS, Kuala Lumpur.
Muhammad Hj. Salleh, 1997, *Sulalat al-Salatin*, Yayasan Karyawan dan DBP, Kuala Lumpur